

- 1 Firma menghadapi masalah kekurangan kerana
- A kos menyediakan projek pembangunan melebihi peruntukan modal
 - B pemilikan sumber mampu mengeluarkan sebahagian output dalam pasaran
 - C belanja naik taraf bangunan pejabat melebihi hasil cukai keuntungan syarikat
 - D ganjaran untung yang kecil berbanding belanja tingkatkan kepuasan pengguna
- 2 Keterangan yang manakah betul tentang sumber ekonomi?

	Keterangan	Sumber Ekonomi
A	Individu yang menggabungkan input pengeluaran bagi menghasilkan sejumlah output	Buruh
B	Sumber penawaran terhad yang terlibat dalam proses pengeluaran barangan	Tanah
C	Pemilik menerima pulangan faedah atas kesanggupan menanggung risiko	Modal
D	Manusia yang membekalkan faktor pengeluaran dalam aktiviti pengeluaran	Usahawan

- 3 Maklumat berikut menunjukkan produk dan kombinasi pengeluaran bagi sebuah firma.

Produk	Kombinasi Pengeluaran	
	P	Q
Coklat	110 unit	160 unit
Biskut	95 unit	40 unit

Berapakah kos lepas sekiranya kombinasi pengeluaran berubah dari P ke Q?

- A 110 unit coklat
- B 95 unit biskut
- C 55 unit biskut
- D 50 unit coklat

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi bagi dua buah negara.

Negara X	Negara Y
Harga barang ditentukan oleh kuasa pasaran.	Harga barang ditentukan oleh kuasa pasaran setelah ditambah cukai barangan.

Apakah perbezaan sistem ekonomi antara kedua-dua negara tersebut?

- A Persaingan antara firma mampu hasilkan pelbagai barang di pasaran
 B Penentuan harga di pasaran berdasarkan permintaan dan penawaran
 C Pilihan penduduk yang pelbagai berdasarkan cita rasa penggunaan
 D Pemberian subsidi dapat mengurangkan kos pengeluaran firma
- 5 Maklumat berikut berkaitan penyelesaian masalah asas ekonomi di negara M.

- Pengguna berkemampuan bebas memiliki barang mewah.
- Penduduk miskin mampu miliki barang lebih murah, dibantu melalui subsidi harga.

Pasangan yang manakah betul berkaitan maklumat di atas?

	Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi
A	Apa yang hendak dikeluarkan	Kapitalis
B	Berapa yang hendak dikeluarkan	Campuran
C	Bagaimana hendak dikeluarkan	Kapitalis
D	Untuk siapa dikeluarkan	Campuran

- 6 Pernyataan yang manakah betul tentang keluk permintaan individu?

- A Kecerunan lebih curam daripada keluk permintaan pasaran
 B Menunjukkan keluk yang mencerun ke bawah dari kanan ke kiri
 C Penurunan harga barang itu menyebabkan keluk beralih ke kanan
 D Hubungan di antara harga dan kuantiti diminta adalah secara positif


- 7 Jadual 1 menunjukkan permintaan bagi komputer riba pada bulan Januari dan Julai.

Harga (RM)	Jumlah Permintaan (unit)	
	Januari	Julai
1 650	5 000	5 500

Jadual 1

Apakah yang menyebabkan perubahan permintaan pada bulan Julai berbanding Januari?

- A Harga barang penggenap semakin tinggi
 B Jabatan Kastam menaikkan duti eksais
 C Kadar cukai pendapatan meningkat
 D Jangkaan harga barang akan naik
- 8 Rajah 1 menunjukkan keluk permintaan individu A ($D_A D_A$) dan individu B ($D_B D_B$) dalam pasaran.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Permintaan pasaran sebanyak 40 unit berlaku pada tingkat harga RM8
 B Kecerunan keluk permintaan pasaran lebih landai berbanding keluk $D_B D_B$
 C Keseimbangan pasaran berlaku pada titik persilangan keluk $D_A D_A$ dengan $D_B D_B$
 D Pada harga RM4 permintaan $D_A D_A$ melebihi permintaan pasaran pada harga RM8


- 9 Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Jenis Barang	Peratus Perubahan Harga	Peratus Perubahan Kuantiti
Q	10	12

Jadual 2

Pernyataan yang manakah betul tentang barang tersebut?

- A Peniaga akan menaikkan harga untuk meningkatkan jumlah hasil jualan
 - B Perubahan dalam kuantiti lebih responsif terhadap perubahan harga
 - C Produk keperluan pengguna merupakan contoh bagi barang Q
 - D Mempunyai bilangan pengganti yang sedikit dalam pasaran
- 10 Rajah 2 menunjukkan perubahan harga dan kuantiti ditawarkan suatu barang.




Rajah 2

Berapakah nilai pekali keanjalan harga penawaran bagi barang tersebut?

- A 0.25
- B 0.78
- C 1.17
- D 1.29

- 11 Rajah 3 menunjukkan perubahan titik keseimbangan pasaran.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah betul tentang rajah di atas?

- A Kejatuhan harga dari RM6 ke RM4 akibat lebih penawaran sebanyak 18 unit
 - B Peralihan keluk penawaran dari S_0 ke S_1 kesan penurunan harga input pengeluaran
 - C Kuantiti keseimbangan meningkat 10 unit apabila berlaku pergerakan titik E_0 ke E_1
 - D Peningkatan kuantiti dari 6 unit ke 10 unit kerana kejatuhan harga barang itu di pasaran
- 12 Gambar 1 menunjukkan satu contoh barang dalam pasaran.




Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah penentu keanjalan harga permintaan barang tersebut?

- I Nisbah perbelanjaan pengguna besar daripada pendapatan
 - II Kadar ketagihan adalah tinggi bagi yang berkemampuan
 - III Sedikit barang pengganti yang terdapat dalam pasaran
 - IV Pengeluaran melibatkan tempoh masa yang panjang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 13 Apakah fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada kerajaan?
- A Mengubah kadar rizab berkanun
 - B Memberi pendahuluan sementara
 - C Menjadi sumber pinjaman terakhir
 - D Mengawal kestabilan nilai mata wang
- 14 Apakah yang menyebabkan kemudahan overdraf menjadi pilihan peniaga?
- A Pulangan atas baki yang tidak digunakan diberi mengikut tempoh matang
 - B Masalah kekurangan modal dapat diatasi tanpa memerlukan cagaran
 - C Bayaran balik boleh dibuat dalam tempoh jangka panjang
 - D Faedah dikenakan mengikut jumlah yang diluluskan
- 15 Kegiatan yang manakah merupakan aktiviti ekonomi di sektor utama?
- A Membina pementasan pengairan sawah padi
 - B Mengeluarkan hasil bumi mengikut bentuk barang asal
 - C Menawarkan perkhidmatan sokongan kepada sektor lain
 - D Memproses bahan mentah untuk menghasilkan barang siap
- 16 Maklumat berikut menunjukkan faktor pengeluaran dalam ekonomi.



W menerima pulangan faktor kerana

- A sanggup berpisah dengan sejumlah wang apabila membuat pelaburan
- B mengguna tenaga dan mental dalam proses pengeluaran produk
- C memiliki sikap kreatif dan inovatif dalam penghasilan output
- D sedia membenarkan pihak lain menggunakan aset miliknya

- 17 Maklumat berikut berkaitan rumus pendapatan boleh guna (PBG).

$$\text{Jumlah Pendapatan} - X = \text{PBG} = \text{Tabungan} + Y$$

Antara yang berikut, pasangan yang manakah betul?

	Butiran	Keterangan
I	X	Menjelaskan potongan tetap bulanan kepada Lembaga Tabung Haji
II	Y	Menjelaskan premium menghadapi risiko kepada syarikat insurans
III	X	Membayar sejumlah amaun tertentu kepada Pusat Zakat Selangor
IV	Y	Membayar secara berjadual setiap bayaran gaji kepada LHDN

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 18 Apakah kelemahan dalam urus niaga secara tunai?
- A Wujud tekanan inflasi dalam pasaran
 B Harga pasaran termasuk faedah atas modal
 C Sukar membeli barang yang berharga mahal
 D Amalan berbelanja melebihi jumlah wang di tangan
- 19 Pilih urutan yang betul dalam menyediakan belanjawan peribadi.
- I Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan
 II Mencatatkan kesemua perbelanjaan yang perlu dilakukan
 III Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib
 IV Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
- A II, III, I dan IV
 B II, IV, III dan I
 C III, I, II dan IV
 D III, II, IV dan I

- 20 Gambar 2 dan Gambar 3 ialah dua contoh input yang digunakan dalam proses pengeluaran perabot kayu.



Gambar 2



Gambar 3

Pasangan yang manakah betul tentang Gambar 2 dan Gambar 3?

	Gambar 2	Gambar 3
A	Semasa output sifar perlu ada untuk memulakan proses pengeluaran	Semasa output sifar masih belum digunakan dalam proses pengeluaran
B	Perubahan keluaran dipengaruhi secara langsung	Perubahan keluaran tidak dipengaruhi secara langsung
C	Sukar ditambah dalam jangka masa pendek	Sukar ditambah dalam jangka masa panjang
D	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah

- 21 Jadual 3 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi Firma Ossim Berhad.

Jumlah Keluaran (unit)	40	43
Jumlah Kos (RM)	8 000	8 400

Jadual 3

Berapakah kos marginal pada keluaran ke-43?

- A RM133.33
- B RM186.04
- C RM195.34
- D RM200.00

- 22 Maklumat berikut berkaitan faedah sosial kesan daripada kempen penggunaan jalan raya.

Cadangan Uber Untuk Hapuskan Kesesakan Jalan Raya

Kajian oleh Boston Consulting Group (BCG), berkongsi kereta boleh mengurangkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur sebanyak 91%.

Sumber diubah suai: www.bm.soyacincau.com, 13 Nov 2017

Apakah faedah sosial lain daripada kempen tersebut?

- A Mempercepatkan masa mereka yang memiliki kereta ke tempat kerja
 - B Mengurangkan pencemaran bunyi dan udara penduduk Kuala Lumpur
 - C Menurunkan kos pembelian petrol dalam penyediaan belanjawan peribadi
 - D Meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan oleh Uber
- 23 Apakah kesan perlaksanaan subsidi oleh kerajaan dalam mengawal selia eksternaliti negatif?
- A Menggalakkan penggunaan teknik pengeluaran berasaskan teknologi hijau
 - B Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
 - C Menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan
 - D Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan
- 24 Apakah yang menyebabkan berlaku inflasi tarikan permintaan?
- A Kuasa beli pengguna meningkat
 - B Kadar syarat sewa beli diperketatkan
 - C Kadar pertukaran Ringgit Malaysia jatuh
 - D Kuantiti pengeluaran bertambah di pasaran
- 25 Tindakan yang manakah dapat mengawal inflasi dalam ekonomi?
- A Meningkatkan peruntukan perbelanjaan mengurus
 - B Menambah projek pembangunan mega di bandar
 - C Menaikkan kadar cukai pendapatan individu
 - D Melaksanakan dasar fiskal mengembang


26 Pengangguran kitaran berlaku disebabkan oleh pekerja

- A miliki kemahiran yang tidak bersesuaian
- B diberhentikan semasa kemelesetan ekonomi
- C hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
- D lepaskan jawatan untuk dapatkan pekerjaan baharu

27 Pasangan manakah yang betul?

	Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan Pembangunan
A	Menambah peralatan hospital kerajaan	Penyelenggaraan makmal sains sekolah
B	Bantuan kepada pekebun kecil getah	Beli kelengkapan baharu pejabat polis
C	Pembelian bot penyelamat bomba	Bayaran balik pinjaman kerajaan
D	Serahan kepada kerajaan negeri	Peruntukan baik pulih bangunan

28 Maklumat berikut berkaitan tindakan bank pusat dalam mengawal ketidakstabilan ekonomi.



Apakah tindakan bank pusat tersebut?

- A Mengetatkan syarat sewa beli
- B Menjual surat jaminan kerajaan
- C Menaikkan kadar faedah pinjaman
- D Menurunkan nisbah rizab berkanun

29 Apakah peranan khusus kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?

- A Kemudahan sistem pengangkutan yang lengkap
- B Laksanakan liberalisasi dalam blok dagangan
- C Galakkan aktiviti pelancongan antarabangsa
- D Tingkatkan kemudahan infrastruktur ICT

30 Maklumat berikut menunjukkan kegiatan urus niaga perdagangan antarabangsa Malaysia.

Urus Niaga	Butiran
1	Penghantaran petroleum mentah ke Jepun untuk Syarikat Nipon Oil
2	Pengangkutan menggunakan kapal tangki milik syarikat dari Vietnam
3	Perlindungan insurans perkapalan daripada syarikat insurans di Singapura

Pilih komponen eksport yang betul tentang urus niaga tersebut.

	Urus Niaga 1	Urus Niaga 2	Urus Niaga 3
A	Eksport nampak	Import nampak	Import tak nampak
B	Eksport nampak	Import tak nampak	Import tak nampak
C	Eksport tak nampak	Import tak nampak	Import nampak
D	Eksport tak nampak	Import nampak	Import nampak

31 Antara yang berikut, yang manakah betul tentang imbalan pembayaran?

- I Penerimaan kewangan dari luar negara direkod sebagai butiran debit
 - II Kemasukan pelancong asing boleh memperbaiki imbalan pembayaran negara
 - III Merekod jumlah nilai penerimaan dan pembayaran kewangan negara dalam setahun
 - IV Contoh pembayaran kewangan ialah firma China membuat bayaran kepada firma Malaysia
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan akaun semasa Malaysia 2017.

Lebihan akaun dagangan terus mengukuh RM109.1 bilion berbanding RM101.4 bilion tahun 2016.

Sumber diubah suai: *BH Online, 27 Oktober 2017*

Apakah faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku?

- A Kedatangan pelancong asing ke Malaysia meningkat
 - B Jumlah nilai eksport barang dan komoditi bertambah
 - C Pindahan bersih sumbangan negara asing banyak
 - D Aliran kemasukan modal asing makin tinggi
- 33 Jadual 4 menunjukkan sebahagian imbangan pembayaran Malaysia pada suatu tahun.

Butiran	RM juta
Barangan	113 327
Perkhidmatan	- 10 706
Pendapatan primer	- 36 624
Pendapatan sekunder	- 17 443
Aliran modal	344

Sumber: *www.treasury.gov*

Jadual 4

Berapakah imbangan akaun semasa Malaysia pada tahun tersebut?

- A RM48 554 juta
- B RM48 898 juta
- C RM59 260 juta
- D RM59 604 juta

34 Situasi yang manakah menunjukkan berlakunya permintaan ke atas Ringgit Malaysia?

- I Syarikat Bundel Berhad membeli pakaian wanita dari Vietnam
 - II Petronas membuat pelaburan cari gali minyak mentah di Algeria
 - III Encik Josep dari England melawat anaknya yang bekerja di Shah Alam
 - IV Pelancong Korea Selatan menaiki Malaysia Airlines untuk ke Singapura
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Jadual 5 menunjukkan kadar pertukaran di antara Dolar Amerika (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) untuk tempoh dua tahun.

Tahun	Kadar Pertukaran Asing
2018	USD1 = RM3.80
2019	USD1 = RM4.10

Jadual 5

Pernyataan yang manakah betul tentang perubahan kadar pertukaran pada tahun 2019 berbanding tahun 2018?

- A Jumlah eksport Malaysia ke Amerika Syarikat berkurangan
- B Harga barang import Amerika di Malaysia lebih murah
- C Penawaran Ringgit Malaysia akan menurun
- D Imbangan dagangan cenderung negatif

Soalan 36 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Isi rumah membuat pilihan kerana menghadapi masalah kekurangan sumber modal.
II Pilihan yang dibuat oleh isi rumah bermatlamat untuk memaksimumkan kebajikan keluarga.
- 37 I Pengeluaran merupakan proses menghasilkan output melalui penggabungan sejumlah input tertentu.
II Proses menghasilkan output dalam pengeluaran dapat ditingkatkan dengan menambah bilangan mesin dalam jangka pendek.
- 38 I Produktiviti ialah merujuk kepada nisbah penggunaan input kepada output yang dihasilkan.
II Produktiviti akan meningkat apabila proses pengeluaran disokong dengan penggunaan teknologi moden.
- 39 I Alat dasar kewangan adalah satu dasar kerajaan yang dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan.
II Alat dasar kewangan mengembang dilaksanakan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi dalam negara.
- 40 I Akaun semasa ialah akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran kewangan antara sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh setahun.
II Akaun semasa terdiri daripada akaun barangan, akaun perkhidmatan, akaun pendapatan primer dan akaun pendapatan sekunder.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT